4.17	Keputusan kaedah Cao dengan menggunakan $\tau = 1$ di Johor (a) Bahagian pertama 2014 (b) Bahagian kedua 2014 (c) Bahagian pertama 2015 (d) Bahagian kedua 2015	85
4.18	Keputusan kaedah Cao dengan menggunakan τ_{pmb} di Johor (a) Bahagian pertama 2014 (b) Bahagian kedua 2014 (c)	86





Bahagian pertama 2015 (d) Bahagian kedua 2015

- | | | |
|------|--|-----|
| 4.19 | Plot ruang fasa pada bahagian pertama 2014 (a) $\tau = 1$, (b) $\tau_{pmb} = 6$ | 88 |
| 4.20 | Plot ruang fasa pada bahagian kedua 2014 (a) $\tau = 1$, (b) $\tau_{pmb} = 6$ | 88 |
| 4.21 | Plot ruang fasa pada bahagian pertama 2015 (a) $\tau = 1$, (b) $\tau_{pmb} = 6$ | 89 |
| 4.22 | Plot ruang fasa pada bulan bahagian kedua 2015 (a) $\tau = 1$, (b) $\tau_{pmb} = 7$ | 89 |
| 4.23 | Keputusan peramalan suhu di Johor pada bahagian pertama 2014 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (1,5) | 92 |
| 4.24 | Keputusan peramalan suhu di Johor pada bahagian pertama 2014 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (6,4) | 93 |
| 4.25 | Keputusan peramalan suhu di Johor pada bahagian kedua 2014 melalui model (a) kpps dan (b) kpls dengan menggunakan parameter (1,5) | 96 |
| 4.26 | Keputusan peramalan suhu di Johor pada bahagian kedua 2014 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (6,5) | 97 |
| 4.27 | Keputusan peramalan suhu di Johor pada bahagian pertama 2015 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (1,4) | 100 |
| 4.28 | Keputusan peramalan suhu di Johor pada bahagian pertama 2015 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (6,4) | 101 |
| 4.29 | Keputusan peramalan suhu di Johor pada bahagian kedua 2015 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (1,5) | 104 |
| 4.30 | Keputusan peramalan suhu di Johor pada bahagian kedua 2015 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (7,5) | 105 |
| 4.31 | Keputusan pmb bagi siri masa suhu di Melaka (a) Bahagian pertama 2014 (b) Bahagian kedua 2014 (c) Bahagian pertama | 108 |





2015 (d) Bahagian kedua 2015

- 4.32 Keputusan kaedah Cao dengan menggunakan $\tau = 1$ di Melaka 109
(a) Bahagian pertama 2014 (b) Bahagian kedua 2014 (c)
Bahagian pertama 2015 (d) Bahagian kedua 2015
- 4.33 Keputusan kaedah Cao dengan menggunakan τ_{pmb} di Melaka 109
(a) Bahagian pertama 2014 (b) Bahagian kedua 2014 (c)
Bahagian pertama 2015 (d) Bahagian kedua 2015
- 4.34 Plot ruang fasa pada bahagian pertama 2014 (a) $\tau = 1$, (b) 112
 $\tau_{pmb} = 7$
- 4.35 Plot ruang fasa pada bahagian kedua 2014 (a) $\tau = 1$, (b) 112
 $\tau_{pmb} = 6$
- 4.36 Plot ruang fasa pada bahagian pertama 2015 (a) $\tau = 1$, (b) 112
 $\tau_{pmb} = 7$
- 4.37 Plot ruang fasa pada bahagian kedua 2015 (a) $\tau = 1$, (b) 112
 $\tau_{pmb} = 6$
- 4.38 Keputusan peramalan suhu di Melaka pada bahagian pertama 115
2014 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan
menggunakan parameter (1,5)
- 4.39 Keputusan peramalan suhu di Melaka pada bahagian pertama 116
2014 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan
menggunakan parameter (7,5)
- 4.40 Keputusan peramalan suhu di Melaka pada bahagian kedua 119
2014 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan
menggunakan parameter (1,5)
- 4.41 Keputusan peramalan suhu di Melaka pada bahagian kedua 120
2014 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan
menggunakan parameter (6,4)
- 4.42 Keputusan peramalan suhu di Melaka pada bahagian pertama 123
2015 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan
menggunakan parameter (1,5)
- 4.43 Keputusan peramalan suhu di Melaka bahagian pertama 2015 124
melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan
menggunakan parameter (7,5)
- 4.44 Keputusan peramalan suhu di Melaka pada bahagian kedua 127
2015 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan
menggunakan parameter (1,5)



4.45	Keputusan peramalan suhu di Melaka pada bahagian kedua 2015 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (6,5)	128
4.46	Keputusan pmb bagi siri masa suhu di Pahang (a) Bahagian pertama 2014 (b) Bahagian kedua 2014 (c) Bahagian pertama 2015 (d) Bahagian kedua 2015	131
4.47	Keputusan kaedah Cao dengan menggunakan $\tau = 1$ di Pahang (a) Bahagian pertama 2014 (b) Bahagian kedua 2014 (c) Bahagian pertama 2015 (d) Bahagian kedua 2015	132
4.48	Keputusan kaedah Cao dengan menggunakan τ_{pmb} di Pahang (a) Bahagian pertama 2014 (b) Bahagian kedua 2014 (c) Bahagian pertama 2015 (d) Bahagian kedua 2015	132
4.49	Plot ruang fasa pada bahagian pertama 2014 (a) $\tau = 1$, (b) $\tau_{pmb} = 7$	135
4.50	Plot ruang fasa pada bahagian kedua 2014 (a) $\tau = 1$, (b) $\tau_{pmb} = 7$	135
4.51	Plot ruang fasa pada bahagian pertama 2015 (a) $\tau = 1$, (b) $\tau_{pmb} = 9$	135
4.52	Plot ruang fasa pada bahagian kedua 2015 (a) $\tau = 1$, (b) $\tau_{pmb} = 8$	135
4.53	Keputusan peramalan suhu di Pahang pada bahagian pertama 2014 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (1,4)	138
4.54	Keputusan peramalan suhu di Pahang pada bahagian pertama 2014 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (7,5)	139
4.55	Keputusan peramalan suhu di Pahang pada bahagian kedua 2014 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (1,5)	142
4.56	Keputusan peramalan suhu di Pahang pada bahagian kedua 2014 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (7,5)	143
4.57	Keputusan peramalan suhu di Pahang pada bahagian pertama 2015 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (1,4)	146



4.58	Keputusan peramalan suhu di Pahang pada bahagian pertama 2015 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (9,5)	147
4.59	Keputusan peramalan suhu di Pahang pada bahagian kedua 2015 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (1,5)	150
4.60	Keputusan peramalan suhu di Pahang pada bahagian kedua 2015 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (8,6)	151
4.61	Keputusan pmb bagi siri masa suhu di Perak (a) Bahagian pertama 2014 (b) Bahagian pertama 2015 (c) Bahagian kedua 2015	154
4.62	Keputusan kaedah Cao dengan menggunakan $\tau = 1$ di Perak Perak (a) Bahagian pertama 2014 (b) Bahagian pertama 2015 (c) Bahagian kedua 2015	155
4.63	Keputusan kaedah Cao dengan menggunakan τ_{pmb} di Perak (a) Bahagian pertama 2014 (b) Bahagian pertama 2015 (c) Bahagian kedua 2015	155
4.64	Plot ruang fasa pada bahagian pertama 2014 (a) $\tau = 1$, (b) $\tau_{pmb} = 7$	158
4.65	Plot ruang fasa pada bahagian pertama 2015 (a) $\tau = 1$, (b) $\tau_{pmb} = 6$	158
4.66	Plot ruang fasa pada bahagian kedua 2015 (a) $\tau = 1$, (b) $\tau_{pmb} = 7$	158
4.67	Keputusan peramalan suhu di Perak pada bahagian pertama 2014 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (1,5)	161
4.68	Keputusan peramalan suhu di Perak pada bahagian pertama 2014 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (7,5)	162
4.69	Keputusan peramalan suhu di Perak pada bahagian pertama 2015 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (1,5)	165
4.70	Keputusan peramalan suhu di Perak pada bahagian pertama 2015 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (6,4)	166



4.71	Keputusan peramalan suhu di Perak pada bahagian kedua 2015 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (1,5)	169
4.72	Keputusan peramalan suhu di Perak pada bahagian kedua 2015 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (7,7)	170
4.73	Keputusan pmb bagi siri masa suhu di Selangor (a) Bahagian pertama 2014 (b) Bahagian kedua 2014 (c) Bahagian pertama 2015 (d) Bahagian kedua 2015	173
4.74	Keputusan kaedah Cao dengan menggunakan $\tau = 1$ di Selangor (a) Bahagian pertama 2014 (b) Bahagian kedua 2014 (c) Bahagian pertama 2015 (d) Bahagian kedua 2015	174
4.75	Keputusan kaedah Cao dengan menggunakan τ_{pmb} di Selangor (a) Bahagian pertama 2014 (b) Bahagian kedua 2014 (c) Bahagian pertama 2015 (d) Bahagian kedua 2015	174
4.76	Plot ruang fasa pada bahagian pertama 2014 (a) $\tau = 1$, (b) $\tau_{pmb} = 6$	177
4.77	Plot ruang fasa pada bahagian kedua 2014 (a) $\tau = 1$, (b) $\tau_{pmb} = 6$	177
4.78	Plot ruang fasa pada bahagian pertama 2015 (a) $\tau = 1$, (b) $\tau_{pmb} = 5$	177
4.79	Plot ruang fasa pada bahagian kedua 2015 (a) $\tau = 1$, (b) $\tau_{pmb} = 7$	178
4.80	Keputusan peramalan suhu di Selangor pada bahagian pertama 2014 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (1,5)	180
4.81	Keputusan peramalan suhu di Selangor pada bahagian pertama 2014 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (6,5)	181
4.82	Keputusan peramalan suhu di Selangor pada bulan Julai – Disember 2014 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (1,5)	184
4.83	Keputusan peramalan suhu di Selangor pada bahagian kedua 2014 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (6,5)	185

4.84	Keputusan peramalan suhu di Selangor pada bahagian pertama 2015 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (1,5)	188
4.85	Keputusan peramalan suhu di Selangor pada bahagian pertama 2015 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (5,5)	189
4.86	Keputusan peramalan suhu di Selangor pada bahagian kedua 2015 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (1,5)	192
4.87	Keputusan peramalan suhu di Selangor pada bahagian kedua 2015 melalui model (a) kpps, (b) kpls dan (c) kppls dengan menggunakan parameter (7,6)	193

SENARAI SINGKATAN

m	Matra Pembenaman
τ	Masa Tunda
$E1(m)$	Parameter Kaedah Cao
$E2(m)$	Parameter Kaedah Cao
pmb	Purata Maklumat Bersama
τ_{pmb}	τ dari kaedah pmb
m_{cao}	m dari kaedah cao
$I(T)$	Parameter Kaedah pmb
pk	Pekali Kolerasi
$rppkd$	Ralat Punca Purata Kuasa Dua
prm	Purata Ralat Mutlak
O_3	Ozon
PM_{10}	Zarah Terampai
k	Bilangan Jiran Terdekat
TSTOOL	<i>Times Series Tool</i> (nama perisian)
kpps	Kaedah Penghampiran Purata Setempat
kpls	Kaedah Penghampiran Linear Setempat
kppls	Kaedah Penambahbaikan Penghampiran Linear Setempat
MetMalaysia	Jabatan Meteorologi Malaysia
JAS	Jabatan Alam Sekitar

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah dan objektif kajian. Dalam bab ini juga turut dibincangkan tentang signifikan kajian, batasan kajian, persoalan kajian, sumbangan kajian dan kerangka tesis yang merupakan ringkasan Bab 1 hingga 5.

1.2 Latar Belakang Kajian

Manusia perlu memahami sesuatu keadaan jika mahu meramal sesuatu keadaan dan keadaan-keadaan lain di sekelilingnya. Matematik sebagai bahasa sains mampu

memainkan peranan penting dalam penelitian setiap keadaan. Menurut Nooraini (2012), sistem dinamik merupakan sebuah alat matematik yang digunakan untuk memahami sesuatu keadaan. Menurut Velickov (2004), sistem adalah ringkasan tentang set peraturan yang dipatuhi sesebuah keadaan. Dinamik pula merujuk kepada keadaan yang berubah dari semasa ke semasa. Dinamik sesebuah keadaan boleh dikelaskan kepada dua jenis iaitu rawak dan berketentuan. Rawak merupakan dinamik bagi keadaan yang tidak boleh diramal. Manakala berketentuan pula merupakan dinamik bagi keadaan yang dapat dilihat bergerak dari titik awal dan melalui trajektorinya. Maka, keadaan yang berketentuan boleh diramal. Menurut Abarbanel (1996), dinamik kalut adalah berada di antara berketentuan dan rawak. Sesebuah keadaan kelihatan rawak dengan kehadiran dinamik kalut. Namun, keadaan ini mempunyai set peraturan yang membolehkan peramalan dijalankan. Dalam erti kata lain, dinamik kalut adalah kerawakan yang teratur. Data yang berdinamik kalut juga peka terhadap syarat awal. Jika terdapat sedikit perubahan pada syarat awal, ianya akan memberi impak yang besar pada masa hadapan. Maka, hanya peramalan jangka masa pendek dibenarkan bagi pendekatan kalut (Abarbanel, 1996).

Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), perubahan suhu yang tidak menentu merupakan antara faktor yang menyumbang kepada pemanasan global. Oleh itu, peramalan suhu diperlukan bagi membantu pihak yang bertanggungjawab agar siap siaga dalam menghadapi perubahan suhu dengan menggunakan pendekatan kalut. Pendekatan kalut mampu menganalisis dan boleh meramal sesuatu keadaan dalam masa jangka pendek. Di Malaysia, pendekatan kalut ini pernah digunakan oleh Ali dan Hamid (2019) ke atas siri masa paras laut dan nilai pekali kolerasi(pk) yang diperoleh adalah 0.8790. Hamid et al., (2017) pula mengaplikasikan pendekatan kalut

ke atas siri masa ozon (O_3) dan memperoleh nilai pk 0.9159. Manakala, Adenan et al., (2017) pula mengaplikasikan pendekatan kalut ke atas siri masa aliran sungai dan memperoleh nilai pk 0.9159. Menurut kajian oleh Schober et al., (2018), nilai pk 0.70 hingga 1.00 menunjukkan kolerasi yang tinggi. Kolerasi yang tinggi menunjukkan peramalan adalah cemerlang. Pendekatan kalut ini telah membawa kejayaan dalam pemodelan pelbagai siri masa dan disebabkan kejayaan itu, aplikasi pendekatan kalut perlu diaplikasi dengan lebih meluas di Malaysia. Namun, pendekatan kalut ini belum pernah diaplikasi ke atas siri masa suhu. Ini merupakan satu motivasi kepada pengkaji untuk mengkaji sejauh mana keberkesanan pendekatan kalut terhadap siri masa suhu.

Pemodelan kalut terdiri daripada dua langkah. Pertama, proses pembinaan semula ruang fasa. Proses ini melibatkan transformasi siri masa yang dicerap dalam bentuk skalar kepada vektor ruang fasa m -matra. Vektor ini akan diuji melalui beberapa kaedah untuk mengesan dinamik kalut hadir dalam siri masa. Langkah kedua adalah peramalan. Tiga kaedah yang akan digunakan iaitu kaedah penghampiran purata setempat (kpps), kaedah penghampiran linear setempat (kpls) dan kaedah penambahbaikan penghampiran linear setempat (kppls) untuk meramal siri masa suhu.

1.3 Penyataan Masalah

Pemanasan global ialah keadaan alam sekitar yang mengalami peningkatan suhu yang tinggi berbanding dengan suhu normal. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh aktiviti yang dilakukan oleh manusia sendiri seperti pelepasan asap kenderaan, aktiviti

perindustrian, pembakaran terbuka, penebangan dan penerokaan hutan untuk aktiviti pembangunan dan lain-lain (Ibrahim, Sahlan dan Singh 2016). Disebabkan faktor-faktor ini terjadinya pembebasan gas-gas yang berbahaya secara tidak terkawal dan telah menyebabkan penipisan ozon, jerebu, kesan rumah hijau, pulau haba, hujan asid, kejadian kemarau dan pulau haba. Fenomena ini akan menyebabkan kehidupan harian manusia terjejas dan terbatas kerana perubahan cuaca yang tidak menentu. Maka, pembinaan model peramalan ke atas siri masa suhu adalah amat penting bagi membantu manusia merancang jadual harian mereka.

Perubahan suhu yang terlalu ekstrem juga akan mendatangkan kesan buruk ke atas kesihatan manusia tidak kira umur. Kawasan seperti di Cape Town, Durban dan Johannesburg, Afrika Selatan mencatatkan peratusan kematian setiap tahun meningkat disebabkan perubahan suhu (Wichmann, 2017). Perubahan suhu juga boleh menyebabkan kanak-kanak mudah dijangkiti penyakit paru-paru berair (Zeng et al., 2017). Manakala Chen et al., (2017) telah melaporkan bahawa perubahan suhu yang ekstrem meningkatkan kadar kematian disebabkan pelbagai penyakit pernafasan dan kardiovaskular. Selain itu, menurut kajian Thinh et al., (2017) dan Pau et al., (2013), perubahan suhu telah menjejaskan sektor pertanian dan secara tidak langsung perubahan suhu juga telah mempengaruhi ekonomi negara (Tol, 2018). Oleh itu, peramalan ke atas siri masa suhu ini adalah amat penting bagi membantu pihak yang bertanggungjawab agar siap siaga dalam menghadapi perubahan suhu.

Kajian ini dijalankan bagi menganalisis dan meramal siri masa suhu dengan menggunakan pendekatan kalut. Sepanjang pengetahuan pengkaji, kajian ini merupakan kajian pertama yang membawa pendekatan kalut untuk menganalisis dan

meramal siri masa suhu di Malaysia. Oleh itu, kajian ini sangat penting untuk melihat dan menguji keberkesanan pendekatan kalut terhadap siri masa suhu.

1.4 Objektif Kajian

Terdapat empat objektif kajian iaitu:

- i. Mengesan kehadiran dinamik kalut dalam siri masa suhu di Malaysia.
- ii. Meramal siri masa suhu di Malaysia dengan menggunakan model kalut.
- iii. Mengenal pasti pengaruh bilangan data terhadap prestasi peramalan siri masa suhu.
- iv. Membandingkan prestasi model peramalan kalut siri masa suhu dengan model

Bagi objektif pertama, untuk mengesan kehadiran dinamik kalut dalam siri masa suhu di Malaysia, kaedah Cao dan plot ruang fasa adalah digunakan. Manakala, untuk objektif kedua pula, tiga model peramalan digunakan iaitu kaedah penghampiran purata setempat (kpps), kaedah penghampiran linear setempat (kpls) dan kaedah penambahbaikan penghampiran linear setempat (kppls). Bagi objektif ketiga, ianya dilakukan kerana didapati bahawa untuk model kalut tiada kaedah khas yang boleh digunakan untuk menentukan bilangan data yang cukup. Untuk peramalan model sebelum ini kaedah cuba dan jaya digunakan. Dalam kajian ini, bagi objektif ketiga, bilangan data siri masa latihan divariasikan mengikut peratus. Bagi setiap data tersebut nilai pekali korelasi (pk) dikira. Kemudian, analisis dibuat bagi mengenal pasti pengaruh bilangan data terhadap prestasi peramalan siri masa suhu. Jadi satu

hipotesis telah dibina berdasarkan objektif ini iaitu **“semakin banyak bilangan data semakin tinggi pekali korelasi”**. Bagi objektif keempat pula, model-model peramalan kalut yang terbaik di keenam-enam buah negeri akan dibandingkan dengan model tradisional regresi linear.

1.5 Persoalan Kajian

Terdapat empat persoalan kajian iaitu:

- i. Adakah dinamik kalut hadir dalam siri masa suhu di Malaysia?
- ii. Adakah peramalan siri masa suhu di Malaysia boleh dijalankan dengan menggunakan model kalut?
- iii. Adakah bilangan data mempengaruhi prestasi peramalan siri masa suhu?
- iv. Adakah prestasi model peramalan kalut siri masa suhu lebih bagus berbanding model tradisional regresi linear?

1.6 Signifikan Kajian

Oleh kerana pendekatan kalut telah berjaya dijalankan ke atas pelbagai siri masa seperti siri masa paras laut oleh Ali dan Hamid (2019), siri masa o_3 oleh Hamid et al., (2017) dan siri masa aliran sungai dijalankan oleh Adenan et al., (2017) maka kajian ini adalah signifikan untuk dijalankan menggunakan pendekatan kalut. Kajian ini juga signifikan dijalankan ke atas siri masa suhu kerana perubahan suhu boleh menyumbang kepada pelbagai faktor seperti penyakit berbahaya yang boleh



membawa kepada kematian. Selain itu, pertanian dan ekonomi negara juga turut terjejas akibat daripada perubahan suhu. Maka, analisis dan peramalan ini dapat membantu pihak bertanggungjawab supaya siap siaga dalam menghadapi perubahan suhu.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini berfokus kepada siri masa suhu. Siri masa suhu yang dikaji adalah diperhatikan mengikut jam dan direkod dalam unit °C. Kajian ini bermula pada tahun 2017. Oleh kerana data siri masa yang terkini pada masa permulaan kajian adalah tahun 2015, maka siri masa suhu yang dipilih adalah tahun 2014 dan 2015. Negara Malaysia dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian Semenanjung serta bahagian Sabah dan Sarawak. Semenanjung terdiri daripada empat Zon iaitu Zon Utara, Zon Tengah, Zon Selatan dan Zon Timur. Zon Utara terdiri daripada empat negeri iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Seterusnya, Zon Selatan terdiri daripada negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Zon Tengah pula terdiri daripada negeri Kuala Lumpur dan Selangor. Manakala, Zon Timur terdiri daripada tiga negeri iaitu Pahang, Kelantan dan Terengganu (rujuk Rajah 1). Dalam kajian ini hanya difokuskan kepada enam negeri sahaja. Ini disebabkan kerana tidak semua data siri masa dari setiap negeri dapat diperolehi daripada Jabatan Alam Sekitar. Namun begitu, negeri yang terlibat mewakili setiap zon di seluruh Malaysia adalah Pulau Pinang dan Perak mewakili Zon Utara. Manakala, Zon Selatan terdiri daripada Johor dan Melaka. Seterusnya, Pahang mewakili Zon Timur dan Zon Tengah terdiri daripada Selangor.



Data-data siri masa suhu yang digunakan adalah dicerap di enam buah stesen seperti dalam Jadual 1.1.



Rajah 1. Peta Malaysia

Jadual 1.1

Stesen-stesen cerapan suhu

Zon	Stesen
Zon utara	- Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang - Tanjung Malim, Perak
Zon selatan	- Sekolah Menengah Agama Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor - Sekolah Menengah Tinggi Melaka, Melaka
Zon timur	Stesen kaji cuaca Batu Embun, Jerantut, Pahang
Zon tengah	Sekolah Kebangsaan Bandar Utama, Petaling Jaya, Selangor

Pemodelan siri masa suhu dalam kajian ini adalah berasaskan pendekatan kalut. Analisis dinamik siri masa dijalankan ke atas siri masa yang diuji. Jika

kehadiran dinamik kalut dapat dikenal pasti dalam siri masa suhu, maka pembinaan model peramalan dapat diteruskan. Dinamik kalut akan disahkan kehadirannya melalui kaedah Cao dan kaedah plot ruang fasa. Manakala, peramalan siri masa melibatkan model kalut yang menggunakan kaedah kpss, kpss dan kaedah penambahbaikan ke atas kpss yang dikenali sebagai kpss.

1.8 Kerangka Tesis

Tesis ini mengandungi lima bab. Bab 1 merupakan gambaran keseluruhan kajian yang bermula dengan pengenalan, latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, signifikan kajian, batasan kajian dan rangka tesis. Bab 2 adalah kajian literatur di mana pembentangan kajian-kajian lepas yang memberikan motivasi mengapa pemodelan kalut ke atas siri masa suhu harus dilaksanakan di Malaysia. Seterusnya, Bab 3 adalah menerangkan konsep pendekatan kalut yang meliputi definisi terma-terma asas yang sering digunakan dalam pendekatan kalut dan penerangan tentang kaedah-kaedah yang digunakan bagi mengesan kehadiran dinamik kalut. Pembinaan model peramalan juga turut dibincangkan dalam bab ini.

Bab 4 merupakan dapatan dan perbincangan mengenai jawapan kepada objektif-objektif kajian. Dalam bab ini, dapatan dimulakan dengan pengiraan parameter ruang fasa τ dan m untuk pembinaan semula ruang fasa bagi mengesan kehadiran dinamik kalut dalam siri masa suhu (**objektif i**). Sekiranya dinamik kalut hadir, maka proses peramalan akan dijalankan (**objektif ii**) melalui tiga model iaitu kpss, kpss dan kpss. Seterusnya, untuk mengenal pasti pengaruh bilangan data

terhadap prestasi peramalan siri masa suhu juga (**objektif iii**) turut dibincangkan di dalam bab ini. Perbandingan juga dibuat untuk melihat prestasi model peramalan kalut siri masa suhu dengan model tradisional regresi linear (**objektif iv**). Akhir sekali, bab 5 adalah bab kesimpulan kajian ini. Sumbangan dan cadangan untuk kajian-kajian lanjutan akan turut dilampirkan dalam bab terakhir.

1.9 Rumusan

Bab ini telah membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah dan objektif kajian. Bab ini juga turut membincangkan tentang signifikan kajian, batasan kajian, persoalan kajian dan kerangka tesis yang merangkumi Bab 1 hingga Bab 5.